

BAB 5

KRITERIA PERSPEKTIF BARU DALAM HASIL PENULISAN KARANGAN SAMPEL WAWASAN DAN SAMPEL KONVENSIONAL

1. PENDAHULUAN.

Dalam bab ini, kajian akan meneliti 10 buah hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel Wawasan dan 10 buah hasil penulisan karangan bahasa Melayu sampel Konvensional sahaja. Penilaian hasil karangan dalam jumlah yang kecil adalah kerana ia bergantung kepada jumlah sampel Wawasan yang menjawab soalan jenis perbincangan. Jumlah sampel Wawasan yang menjawab soalan jenis perbincangan ini adalah seramai 10 orang daripada 40 orang. Selebihnya itu menjawab soalan karangan jenis ceramah, cerita, surat kiriman rasmi, laporan dan lain-lain. Malah untuk tujuan penelitian aspek tautan dan idea terpenting, kajian juga terpaksa meneliti hasil karangan jenis bukan perbincangan tetapi jumlahnya dihadkan dan penilaian juga hanya pada bahagian yang mengandungi unsur perbincangan sahaja. Dengan ini juga, jumlah hasil karangan sampel Konvensional terpaksa diselaraskan dengan jumlah hasil karangan sampel Wawasan. Walau bagaimanapun, jumlah hasil karangan yang diteliti hanya sebanyak 25% tetapi ia memadai untuk memberikan maklumat yang signifikan dalam membuat perbandingan antara kedua-dua sampel tersebut.

Hasil penulisan karangan sampel tersebut diteliti berlandaskan kriteria-kriteria yang dipilih yang kemudiannya dicadangkan sebagai kriteria perspektif baru dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan bahasa Melayu. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti yang berikut:

- | | |
|----------------------|--|
| a) tautan leksikal | e) topik pembicaraan |
| b) tautan gramatikal | f) proposisi |
| c) tautan idea | g) kepaduan makna dalam perenggan |
| d) tautan perenggan | h) kepaduan makna keseluruhan karangan |

2. HASIL KARANGAN SAMPEL WAWASAN.

Data kajian menunjukkan bahawa sampel Wawasan lebih sedar tentang penggunaan kriteria-kriteria seperti tautan leksikal, tautan gramatikal, tautan idea, tautan perenggan, topik pembicaraan, proposisi, kepaduan makna, dan kepaduan makna keseluruhan karangan untuk menghasilkan karangan yang lebih bermutu.

Sampel Wawasan banyak menggunakan leksis bagi tujuan menghasilkan sesebuah karangan yang bertaut¹². Berdasarkan sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Wawasan yang diteliti, didapati sebanyak 182 leksis telah digunakan untuk tujuan tautan. Didapati juga min atau purata leksis yang telah digunakan untuk tujuan tautan dalam setiap hasil penulisan karangan sampel ialah 18.2 dan mod atau kekerapannya pula

¹² Lihat Lampiran 2: Senarai beberapa leksis dan frasa yang digunakan oleh sampel untuk Tautan leksikal dan Gramatikal.

alah 14. Analisis tersebut menunjukkan bahawa sampel Wawasan mengetahui fungsi dan peranan lexis untuk tujuan tautan dalam sesebuah karangan.

Selain itu, sampel Wawasan juga berjaya menghasilkan karangan yang bertaut dengan penggunaan lexis sebagai tautan gramatikal. Berdasarkan sepuluh buah hasil penulisan karangan yang diteliti, sebanyak 47 lexis telah digunakan bagi tujuan tautan gramatikal. Min atau purata penggunaan lexis untuk tujuan tautan gramatikal dalam hasil penulisan sampel Wawasan sebanyak 4.7 dan mod atau kekerapannya adalah 4 dan 8 dalam sesebuah hasil penulisan karangan.

Pendedahan aspek-aspek tautan kepada sampel Wawasan ini telah membuktikan bahawa mereka mempunyai kemahiran yang mantap dalam menautkan deretan teks, idea atau subjek untuk menghasilkan penulisan karangan yang memperlihatkan kepaduan makna atau penulisan yang berkesan.

Keupayaan sampel Wawasan melahirkan kepaduan makna dalam sesuatu kerangka karangan adalah hasil kemahiran mereka melakukan tautan antara perenggan-perenggan. Berdasarkan sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Wawasan yang diteliti, didapati sebanyak 55 buah perenggan telah dihasilkan. Daripada jumlah perenggan tersebut, 42 buah perenggan didapati saling bertaut manakala sebanyak 13 buah perenggan didapati tidak bertaut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa sebanyak lima atau enam buah perenggan diperlukan untuk menghasilkan sebuah hasil penulisan karangan peringkat menengah atas. Ini berdasarkan min atau purata perenggan dalam

hasil penulisan karangan sampel Wawasan ialah 5.5. Selain itu, mod atau kekerapan sampel Wawasan dalam menghasilkan perenggan-perenggan yang bertaut dalam sebuah karangan ialah 4 dan 5 buah perenggan.

Selanjutnya, penelitian terhadap sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Wawasan menunjukkan bahawa karangan sampel Wawasan penuh dengan idea-idea terpenting. Daripada sepuluh buah hasil penulisan karangan tersebut, didapati 170 idea terpenting telah dikemukakan secara bertaut berbanding hanya 24 idea terpenting yang dihasilkan tanpa wujud tautan. Selain itu, setiap hasil penulisan karangan sampel Wawasan mengandungi 17 idea terpenting secara purata.

Berdasarkan penjelasan di atas, didapati sampel Wawasan berjaya menampilkan jumlah idea terpenting yang banyak dalam hasil penulisan karangan. Di samping itu, kemahiran mereka mentautkan setiap idea tersebut sehingga menjadi sebuah hasil penulisan karangan yang berkesan juga merupakan faktor yang menyebabkan mereka memperoleh markah yang lebih tinggi dalam penulisan mereka.

Kajian seterusnya mendapati sampel Wawasan juga mempunyai kemahiran penulisan yang mantap. Ini jelas dengan keupayaan mereka dalam kemahiran penulisan berdasarkan proposisi. Berdasarkan sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Wawasan tersebut, kajian mendapati sebanyak 52 buah perenggan yang dihasilkan menerusi pengembangan idea atau isi berdasarkan proposisi tersebut. Sebaliknya, hanya sepuluh buah perenggan sahaja yang dihasilkan secara sewenang-

perengannya, yaitu tanpa memperlihatkan kesatuan makna yang baik. Kenyataan ini dapat disokong dan dibuktikan dengan jumlah perenggan yang mempunyai kepaduan makna (koherensi) ialah sebanyak 53 buah perenggan daripada 62 buah perenggan. Sementara itu, cuma terdapat sembilan buah perenggan yang tidak mempunyai kepaduan makna.

Selain itu, kesepuluh-sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Wawasan yang diteliti memperlihatkan pendedahan analisis kriteria-kriteria tersebut sebagai perspektif baru dalam kemahiran penulisan karangan. Malah, karangan sampel Wawasan tersebut didapati lebih berkesan kerana ia memeperlihatkan kepaduan makna yang tinggi dalam kerangka keseluruhan karangannya. Kenyataan ini dapat dijelaskan dengan skor yang diperolehi oleh sampel tersebut, iaitu 4 orang mendapat skor A, 3 orang dengan skor B, 2 orang dengan skor C, dan hanya 1 orang sahaja yang mendapat skor D. Bagaimanapun, sampel Wawasan yang mendapat skor D itu tetap memperlihatkan kriteria-kriteria perspektif baru tersebut dalam hasil penulisan karangannya.

Akhir sekali, kajian mendapati kesemua hasil penulisan karangan sampel Wawasan sama ada yang mendapat skor A atau lain-lain dihasilkan di bawah satu topik pembicaraan yang sama. Keupayaan mereka menulis di bawah topik pembicaraan yang sama ini telah membantu mereka menghasilkan penulisan karangan yang berkesan. Ini merupakan satu lagi alasan yang menunjukkan bahawa pengenalan kepada topik pembicaraan adalah penting dalam penghasilan karangan yang bertaut dan mempunyai kepaduan makna. Malah, topik pembicaraan juga dapat menghindarkan terjadinya penulisan yang mempunyai isi yang bercampur-aduk.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pendedahan kriteria perspektif baru tersebut secara sedar amat berguna. Buktinya, sampel Wawasan telah mendapati mempunyai kemahiran penulisan karangan yang mantap dan tekal dalam menghasilkan penulisan karangan yang baik.

Di samping itu, kesemua kenyataan yang menjelaskan kekuatan kriteria perspektif baru seperti di atas dapat diteliti lagi menerusi Jadual 5.1 yang berikut:

Jadual 5.1 : Kekerapan Penggunaan Kriteria Perspektif Baru dalam Karangan Sampel Wawasan .

KRITERIA	KARANGAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	JUMLAH
TAUTAN LEKSIKAL		15	21	10	24	26	25	14	16	17	14	182
TAUTAN GRAMATIKAL		4	1	8	4	8	2	4	3	5	8	47
TAUTAN PERENGKAN	+	4	6	4	5	4	5	3	4	5	2	42
	-	1	2	1	1	1	2	1	1	0	3	13
PROPOSISI	+	6	9	4	7	5	6	2	5	4	4	52
	-	0	0	2	0	0	1	2	1	2	2	10
TAUTAN IDEA	+	15	21	18	21	14	20	11	16	19	15	170
	-	0	1	2	1	0	2	9	3	4	2	24
KOHERENSI PERENGKAN	+	6	9	6	6	6	6	2	5	3	4	53
	-	0	0	0	0	0	1	2	1	3	2	9
KOHERENSI KESELURUHAN		A	A	A	A	A	B	D	B	C	C	
TOPIK PEMBICARAAN		+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	
JUMLAH PERENGKAN		6	9	6	6	6	7	4	6	6	6	62

SKOR :

A = 80 – 100 Cemerlang

B = 66 – 79 Baik

C = 56 – 65 Sederhana

D = 46 – 55 Lemah

E = 36 – 45 Terlalu Lemah

F = 0 – 34 Tidak Mencapai Tahap Minima

+ = Ada

- = Tiada

3. ANALISIS KARANGAN SAMPEL KONVENSIONAL.

Berdasarkan data yang terkumpul, kajian mendapati bahawa kriteria perspektif baru juga hadir dalam setiap hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Ini menjelaskan bahawa pada hakikat sebenarnya kriteria perspektif baru tersebut memang tidak dapat dipisahkan dalam penulisan karangan sampel tersebut. Bagaimanapun, kehadiran kriteria perspektif baru dalam hasil penulisan sampel konvensional hanya berlaku secara tidak sedar.

Seterusnya, sebagaimana yang telah dinyatakan seperti di atas, kajian telah mendapati, iaitu daripada 10 buah hasil penulisan karangan sampel Konvensional tersebut, sebanyak 42 lexis telah digunakan untuk menautkan topik atau ayat-ayat. Ini menunjukkan bahawa tautan leksikal hadir secara nyata dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Hakikat ini dapat dibuktikan dengan purata kehadiran lexis sebanyak 4.2 bagi tujuan tautan leksikal dalam hasil penulisan karangan sampel konvensional. Manakala kekerapan kehadiran lexis bagi tujuan tautan leksikal dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional ialah sebanyak 4.

Selain itu, sampel Konvensional juga secara tidak sedar telah menggunakan lexis bagi tujuan tautan gramatikal, iaitu untuk menautkan ayat atau perenggan. Kehadiran unsur ini dalam karangan sampel Konvensional adalah juga ketara, iaitu daripada 10 buah hasil penulisan karangan sampel Konvensional yang diteliti, mendapati sebanyak 21 lexis telah digunakan untuk tujuan tersebut. Kekerapan

penggunaan leksis untuk tujuan tautan gramatikal pula adalah sebanyak 3 dan purata kehadiran leksis untuk tujuan tautan gramatikal dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional ialah sebanyak 2.1.

Selain itu, daripada sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Konvensional yang telah diteliti, didapati wujudnya tautan perenggan. Bagaimanapun, tautan perenggan dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional tidaklah ketara. Ini kerana cuma terdapat dua perenggan sahaja yang bertaut dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional tersebut. Selain itu, daripada sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Konvensional tersebut, didapati jumlah perenggan yang ada ialah sebanyak 85 buah perenggan tetapi hanya 21 buah perenggan sahaja yang bertaut.

Sementara itu, kajian mendapati kriteria idea terpenting juga wujud dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Berdasarkan sepuluh buah hasil penulisan karangan sampel Konvensional yang diteliti, didapati sejumlah 266 idea terpenting. Purata idea terpenting dalam sesebuah karangan, iaitu berdasarkan sepuluh buah karangan yang diteliti adalah sebanyak 26.6. Jumlah ini memang cukup banyak tetapi tidak menjadi kehairanan kerana sampel Konvensional ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang berada di kelas yang lebih cemerlang daripada sampel Wawasan. Namun begitu, apa yang lebih menarik di sini ialah idea-idea terpenting yang wujud secara bertaut antara satu sama lain cuma sebanyak 56 sahaja. Kelemahan ini berkaitan dengan kemahiran membuat tautan idea-idea terpenting untuk diletakkan di bawah satu topik pembicaraan.

Kajian juga mendapati bahawa sampel Konvensional telah membina perenggan-perenggan menerusi penulisan berdasarkan proposisi dan ia adalah berlaku secara tidak sedar. Jumlah perenggan yang menampilkan binaannya yang dihasilkan menerusi penulisan berdasarkan proposisi yang mantap adalah hanya 19 buah perenggan. Sebaliknya, 64 buah perenggan lagi memperlihatkan jalinan idea-idea terpenting secara bebas dan tidak mantap. Ini jelas menunjukkan bahawa aspek proposisi itu tidak terpisah dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Bagaimanapun, aspek proposisi ini tidak begitu tekal dan ketara kerana sampel ini tidak terdedah dengan aspek proposisi ini bilik darjah secara sedar.

Kajian ini juga mendapati aspek kepaduan makna juga wujud dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional ini. Berdasarkan daripada 10 buah hasil karangan yang diteliti, kajian telah mendapati sebanyak 23 buah perenggan mempunyai kepaduan makna berbanding dengan 61 buah perenggan yang tidak mempunyai kepaduan makna atau tidak mantap. Sementara itu, aspek kepaduan makna dalam keseluruhan kerangka karangan sampel Konvensional juga dapat dilihat tetapi pencapaian mereka dalam menghasilkan karangan yang mempunyai kepaduan makna dalam keseluruhan kerangka adalah amat sederhana. Ini terbukti secara jelas bahawa purata skor hasil penulisan karangan mereka yang menampilkan kepaduan makna adalah pada tahap gred C, iaitu enam orang mendapat skor C dan seorang dengan skor B. Manakala tiga orang pula dengan skor D. Kelemahan ini adalah kerana tiada pendedahan terhadap aspek penulisan berdasarkan proposisi dan topik pembicaraan. Oleh yang demikian, sampel

konvensional tidak berkemahiran untuk melahirkan perenggan atau karangan yang memperlihatkan kepaduan makna.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kriteria perspektif baru adalah penting untuk menghasilkan penulisan karangan yang lebih berkesan. Ini kerana kriteria perspektif baru itu bukan sahaja wujud dalam hasil penulisan karangan sampel wawasan tetapi kriteria persektif baru itu juga wujud dalam hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Penggunaan kriteria perspektif baru dalam karangan sampel konvensional dapat diperlihatkan menerusi Jadual 5.2 seperti yang berikut:

**JADUAL 5.2 : PENGGUNAAN KRITERIA PERSPEKTIF BARU
DALAM KARANGAN SAMPEL KONVENSIONAL**

KRITERIA	KARANGAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	JUMLAH
TAUTAN LEKSIKAL		2	5	10	4	6	2	4	1	4	4	42
TAUTAN GRAMATIKAL		3	2	3	1	1	3	2	3	2	1	21
TAUTAN PERENGGAN		+	1	2	3	2	2	3	3	1	2	21
		-	7	4	6	7	6	6	6	7	5	6
PROPOSISI		+	2	0	4	2	1	2	2	3	2	2
		-	7	7	5	6	8	6	6	5	7	6
TAUTAN IDEA		+	8	4	6	6	4	5	4	8	6	5
		-	9	36	16	21	18	22	19	23	26	20
KOHERENSI PERENGKAN		+	3	0	5	2	2	1	3	2	3	2
		-	6	7	5	6	7	7	5	6	6	6
KOHERENSI KESELURUHAN			C	D	B	C	D	D	C	C	C	C
TOPIK PEMBICARAAN			+	+	+	+	+	+	+	+	+	+
JUMLAH PERENGKAN			9	7	10	8	9	8	8	8	9	8
												84

SKOR :

A = 80 – 100 Cemerlang

B = 66 – 79 Baik

C = 56 – 65 Sederhana

D = 46 – 55 Lemah

E = 36 – 45 Terlalu Lemah

F = 0 – 34 Tidak Mencapai Tahan Minima

+ = Ada


- = Tiada

4. PERBANDINGAN DATA DAN MAKLUMAT.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan pada bahagian 5.2 dan 5.3 di atas, kajian seterusnya cuba memaparkan analisis perbandingan berdasarkan data yang terkumpul daripada sampel Wawasan dan sampel Konvensional. Analisis perbandingan ini adalah untuk tujuan menjelaskan lagi hasil kajian ini.


Data dalam kajian ini telah menjelaskan penggunaan lexis untuk tujuan membuat tautan sama ada tautan idea idea terpenting, topik, deretan ayat ataupun gramatikal wujud dalam kedua dua hasil penulisan sampel. Bagaimanapun, hasil kajian mendapati sampel Wawasan lebih berkemahiran berbanding dengan sampel konvensional dalam menggunakan lexis untuk tujuan pertautan idea, topik, deretan ayat dan gramatikal. Lantaran itu, tidak hairanlah hasil karangan sampel Wawasan lebih baik berbanding dengan sampel Konvensional. Jumlah penggunaan lexis oleh kedua-dua kumpulan sampel ini dapat dilihat berdasarkan Graf 5.1 seperti yang berikut:

GRAF 5.1 : PENGGUNAAN LEKSIS BAGI TUJUAN PERTAUTAN IDEA , TOPIK, DERETAN AYAT DAN GRAMATIKAL DALAM HASIL PENULISAN KARANGAN SAMPEL WAWASAN DAN SAMPEL KONVENSIONAL.



Seterusnya, kajian juga telah mendapati wujudnya tautan antara perenggan-perenggan dalam hasil penulisan karangan kedua-dua sampel. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kriteria tersebut tidak boleh dipisahkan daripada kemahiran penulisan karangan yang berkesan. Bagaimanapun, kajian mendapati bahawa sampel Wawasan lebih sedar dan tahu untuk melakukan tautan terhadap perenggan-perenggan yang telah dibina dalam penulisan karangan mereka sehingga menghasilkan sebuah hasil penulisan karangan yang bertaut dan mempunyai kepaduan makna berbanding dengan sampel Konvensional. Apa yang jelas di sini, kajian mendapati sampel Konvensional berupaya menghasilkan lebih banyak perenggan berbanding sampel Wawasan tetapi kebanyakan perenggan-perenggan yang dihasilkan itu tidaklah bertautan antara satu sama lain. Sebaliknya perenggan-perenggan yang dihasilkan itu hanya berdiri sendiri. Hal ini dapat diperlihatkan menerusi Graf 5.2 seperti yang berikut:


GRAF 5.2 : JUMLAH TAUTAN ANTARA PERENGGAN DALAM HASIL PENULISAN KARANGAN SAMPEL WAWASAN DAN KONVENSIONAL.



Berdasarkan Graf 5.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa sampel Wawasan mempunyai kemahiran yang tinggi untuk memastikan hasil penulisan karangannya berkesan, bertaut dan mempunyai kepaduan makna di dalam sesebuah kerangka karangan berbanding dengan sampel Konvensional. Graf 5.2 juga memperlihatkan bahawa pendedahan kriteria tautan, iaitu penggunaan lexis bagi tujuan pertautan perenggan secara sadar telah menjadikan hasil penulisan karangan sampel Wawasan lebih mantap berbanding hasil penulisan karangan sampel Konvensional. Oleh yang demikian, hasil penulisan karangan sampel Wawasan memperlihatkan kepaduan makna dalam perenggan-perenggan yang bertaut dan kemas secara teratur. Manakala hasil penulisan karangan sampel Konvensional pula memperlihatkan deretan ayat tetapi kurang bertaut dari segi kepaduan makna. Selain itu, didapati sampel Konvensional hanya mampu menggunakan lexis untuk menerbitkan ayat berbanding sampel Wawasan. Sampel Wawasan ini berpengetahuan tentang penggunaan lexis yang bukan sahaja untuk tujuan menerbitkan ayat tetapi juga untuk tujuan tautan.

Seterusnya, perbandingan terhadap aspek kehadiran idea terpenting dalam hasil penulisan karangan kedua-dua kumpulan sampel telah memperlihatkan bahawa semua sampel berupaya memberikan idea yang memadai dalam karangan. Bagaimanapun, dalam menjalin setiap idea terpenting itu sehingga bertaut dalam sesebuah perenggan atau kerangka karangan sehingga menampilkan kepaduan makna yang jelas dan mantap, kajian mendapati bahawa sampel Wawasan adalah lebih konsisten dalam menautkan setiap idea terpenting berbanding dengan sampel Konvensional. Perbandingan tersebut dapat diperlihatkan menerusi Graf 5.3 seperti yang berikut:


GRAF 5.3 : TAUTAN IDEA TERPENTING DALAM HASIL PENULISAN KARANGAN SAMPEL WAWASAN DAN SAMPEL KONVENSIONAL.



Berdasarkan Graf 5.3, daripada sepuluh buah hasil penulisan karangan, sampel Wawasan telah berjaya menghasilkan 194 idea terpenting. Daripada 194 idea terpenting itu, terdapat sebanyak 170 idea yang bertaut manakala hanya 24 idea sahaja yang tidak bertaut dengan idea yang awal. Sebaliknya, sampel Konvensional pula telah berjaya menghasilkan sebanyak 266 idea terpenting tetapi cuma sebanyak 56 daripada idea tersebut yang bertaut manakala sebanyak 210 idea terpenting didapati tidak bertaut.

Kelemahan sampel Konvensional dalam menautkan idea-idea terpenting dengan kemas telah menyebabkan sebahagian besar kepaduan makna perenggan dan keseluruhan kerangka karangannya terganggu atau kurang jelas. Ini dapat diperlihatkan dengan jelas menerusi Graf 5.4 seperti yang berikut:

GRAFIK 5.4 : KOHERENSI PERENGKAN DALAM HASIL PENULISAN KARANGAN
SAMPel WAWASAN DAN SAMPel KONVENSIOnAL.



Berdasarkan Graf 5.4, kajian mendapati bahawa daripada sepuluh buah karangan, sampel Wawasan telah membina 62 buah perenggan untuk menyampaikan dea-idea dalam karangan. Di sini, sampel Wawasan telah berjaya membina 53 buah

perenggan yang mempunyai kepaduan makna. Manakala hanya 9 buah perenggan sahaja yang tidak mempunyai kepaduan makna. Sementara itu, sampel Konvensional pula telah berjaya membina 84 buah perenggan tetapi perenggan yang memperlihatkan kepaduan makna hanya 23 buah perenggan. Ini bermakna sebanyak 61 buah perenggan yang tidak memperlihatkan kepaduan makna.


Selain itu, kajian juga mendapati pemerenggan berdasarkan proposisi merupakan satu aspek yang penting dalam menjamin kepaduan makna dan mutu penulisan yang berkesan. Penggunaan proposisi ini didapati wujud dalam kedua-dua hasil penulisan sampel. Bagaimanapun, kewujudan aspek proposisi atau penulisan berdasarkan proposisi ini amat ketara dalam hasil penulisan sampel Wawasan berbanding dengan sampel Konvensional. Ini adalah disebabkan sampel Wawasan telah didedahkan dengan aspek proposisi tersebut. Oleh yang demikian, sampel Wawasan berjaya membentuk perenggan-perenggan yang memperlihatkan kepaduan makna dengan jalinan idea-idea penting berdasarkan sesuatu topik pembicaraan secara konsisten.

Sementara itu, kajian mendapati hasil penulisan karangan sampel Konvensional yang berkesan adalah juga kerana karangannya dihasilkan menerusi penulisan yang berdasarkan proposisi. Namun begitu, disebabkan tiadanya pendedahan aspek tersebut di dalam bilik darjah secara formal atau sedar telah menyebabkan sampel Konvensional gagal melahirkan penulisan yang berkesan secara konsisten.

Ringkasnya, secara perbandingan kajian ini telah mendapati bahawa penulisan berdasarkan proposisi lebih ketara dalam hasil penulisan karangan sampel Wawasan. Malah, unsur ini menjadikan karangan sampel Wawasan menjadi lebih bermutu dan berkesan dari segi kepaduan makna serta mempunyai gaya penulisan yang mantap. Manakala hasil penulisan karangan sampel Konvensional tidak memperlihatkan unsur ini secara konsisten dan jelas. Dengan itu, hasil penulisan karangan sampel konvensional didapati kurang berkesan. Hal ini kerana sampel Konvensional tidak tahu tentang aspek proposisi secara jelas dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan karangan.

Butiran-butiran tentang penulisan berdasarkan proposisi dan perbandingan penggunaan unsur proposisi bagi kedua-dua kumpulan sampel dapat diperlihatkan menerusi Graf 5.5 seperti yang berikut:

**GRAF 5.5 : PERENGGAN YANG TERBENTUK
BERDASARKAN PROPOSISI.**



Graf 5.5 di atas memperlihatkan perbandingan keupayaan dan kemahiran penulisan berdasarkan proposisi bagi kedua-dua kumpulan sampel. Berdasarkan Graf 5.5 tersebut, kajian mendapati sampel Wawasan telah membina 52 buah perenggan yang mantap serta mempunyai kepaduan makna yang memperlihatkan kemahiran penulisan berdasarkan proposisi. Manakala hanya 10 buah perenggan sahaja yang dibina secara tidak mantap kerana penulisannya tidak berdasarkan unsur proposisi tersebut.

Sementara itu, sampel Konvensional yang tidak mendapat pendedahan penulisan berdasarkan proposisi tersebut hanya mampu membina 19 buah perenggan yang mantap. Manakala 64 buah perenggan lagi dibina secara tidak mantap dan kurang berkesan kerana penulisannya tidak berdasarkan unsur proposisi.

Jelasnya, sekali lagi kajian mendapati bahawa sampel Wawasan telah berjaya menzahirkan penulisan karangan yang lebih bermutu dan memperlihatkan kepaduan makna berbanding sampel Konvensional. Malah, apa yang menarik di sini ialah tentang hasil kajian, iaitu kajian telah mendapati bahawa sampel Wawasan telah berjaya melahirkan sesebuah penulisan karangan yang baik dengan hanya sebanyak 6 buah perenggan sahaja. Sebaliknya, sampel Konvensional terpaksa membentuk 8 buah perenggan bagi menghasilkan sesebuah hasil penulisan karangan. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan terhadap kriteria perspektif baru tersebut dapat membimbing sampel Wawasan untuk menulis dengan gaya penulisan yang lebih terkawal.

5.5. KESIMPULAN ANALISIS DATA.

Berdasarkan data yang terkumpul, kajian mendapati bahawa kriteria - kriteria seperti, tautan, kepaduan makna, penulisan berdasarkan proposisi dan topik pembicaraan boleh dijadikan satu asas penting dalam kemahiran penulisan. Ini adalah kerana kajian telah mendapati bahawa kriteria-kriteria tersebut menentukan mutu penulisan karangan pelajar. Oleh demikian, kriteria -kriteria ini seharusnya dijadikan kemahiran tambahan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu di sekolah bagi memperkukuhkan lagi kemahiran bahasa yang sedia ada.